



KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA
PERANGKAAN PEMBUATAN BULANAN, MALAYSIA,
JUN 2023

Nilai jualan sektor Pembuatan mencatatkan penurunan 4.0 peratus untuk merekodkan RM147.4 bilion pada Jun 2023

PUTRAJAYA, 8 Ogos 2023 - Nilai jualan sektor Pembuatan mencatatkan penurunan 4.0 peratus tahun ke tahun untuk merekodkan RM147.4 bilion pada Jun 2023. Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) melaporkan dalam keluaran **Perangkaan Pembuatan Bulanan, Malaysia, Jun 2023** pada hari ini.

Mengulas laporan tersebut, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, Ketua Perangkawan Malaysia berkata, "Nilai jualan sektor Pembuatan menurun 4.0 peratus pada Jun 2023 setelah merekodkan pertumbuhan positif 3.3 peratus pada bulan sebelumnya. Penurunan tersebut dipengaruhi terutamanya oleh subsektor Makanan, minuman & tembakau yang merosot 14.6 peratus iaitu penurunan dua digit bagi tiga bulan berturut-turut. Tambahan lagi, kemerosotan tersebut juga disumbangkan oleh penurunan dalam subsektor Petroleum, kimia, getah & plastik (-12.4%); dan Kayu, perabot, keluaran kertas & percetakan (-1.1%). Bagi perbandingan bulan ke bulan, nilai jualan meningkat marginal sebanyak 0.4 peratus daripada RM146.8 bilion yang direkodkan pada Mei 2023."

Nilai jualan industri berorientasikan eksport yang merangkumi 73.0 peratus daripada jumlah jualan, merosot 7.4 peratus pada Jun 2023 selepas mencatatkan pertumbuhan marginal sebanyak 0.1 peratus pada Mei 2023. Penurunan ini disebabkan terutamanya oleh industri Pembuatan minyak & lemak daripada sayuran & haiwan (-27.4%); Pembuatan kok & produk petroleum bertapis (-18.6%); dan Pembuatan produk getah (-13.2%). Sebaliknya, industri berorientasikan domestik terus mengimbangi kejatuhan nilai jualan dengan merekodkan pertumbuhan positif sejak September 2021, berkembang sebanyak 6.8 peratus pada Jun 2023 (Mei 2023: 12.5%). Momentum stabil ini disokong sebahagian besarnya oleh pertumbuhan kukuh nilai jualan bagi industri Pembuatan kenderaan bermotor, treler & semi treler sebanyak 10.5 peratus. Sementara itu, industri Pembuatan prosesan produk makanan dan Pembuatan produk logam, kecuali mesin & kelengkapan meneruskan momentum positif dengan masing-masing merekodkan sebanyak 7.5 peratus dan 7.4 peratus. Perbandingan bulan ke bulan, industri berorientasikan eksport meningkat sebanyak

2.4 peratus manakala industri berorientasikan domestik mengalami kejatuhan sebanyak 4.6 peratus.

Mengulas mengenai bilangan pekerja, Ketua Perangkawan menyatakan, “Sektor Pembuatan melibatkan seramai 2.35 juta orang pada Jun 2023, mencatatkan peningkatan 2.1 peratus berbanding 2.30 juta orang yang direkodkan setahun lalu. Kenaikan ini didorong terutamanya oleh subsektor Peralatan elektrik & elektronik (3.4%); Produk kayu, perabot, keluaran kertas & percetakan (1.8%); dan Kelengkapan pengangkutan & pembuatan lain (1.6%). Berbanding bulan sebelumnya, bilangan pekerja dalam sektor ini berkurang secara marginal sebanyak 0.4 peratus”.

Selaras dengan itu, gaji & upah yang dibayar dalam sektor Pembuatan juga meningkat sebanyak 3.0 peratus tahun ke tahun, dengan sejumlah RM8.0 bilion pada Jun 2023. Bagi perbandingan bulan ke bulan, gaji & upah menyusut 0.6 peratus daripada RM8.1 bilion yang direkodkan pada Mei 2023. Tambahan lagi, purata gaji & upah bulanan bagi setiap pekerja mencatatkan peningkatan sebanyak 0.9 peratus dengan nilai RM3,432 manakala nilai jualan bagi setiap pekerja jatuh sebanyak 5.9 peratus kepada RM62,853.

Pada suku tahun kedua 2023, nilai jualan sektor Pembuatan merekodkan penyusutan pertama sejak suku tahun kedua 2020 (-16.5%) dengan mencatatkan negatif 1.0 peratus berbanding suku yang sama pada tahun sebelumnya. Kemerosotan tersebut disumbangkan oleh subsektor Makanan, minuman & tembakau (-12.7%); dan Petroleum, kimia, getah & plastik (-4.8%). Sementara itu, bilangan pekerja dan gaji & upah pada suku tahun berkenaan masing-masing tumbuh sederhana sebanyak 2.1 peratus (ST1 2023: 2.8%) dan 3.6 peratus (ST1 2023: 4.3%).


Merumuskan prestasi bagi separuh pertama tahun 2023, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin berkata, “Nilai jualan sektor Pembuatan mencapai RM888.6 bilion, berkembang sebanyak 3.5 peratus berbanding tempoh yang sama tahun sebelumnya. Pada tempoh tersebut, bilangan pekerja bertambah 2.1 peratus kepada seramai 2.35 juta orang manakala gaji & upah tumbuh 4.0 peratus, mencatatkan RM48.7 bilion. Seterusnya, nilai jualan per pekerja berjumlah RM378,855 yang merekodkan pertumbuhan sebanyak 1.4 peratus.”

DOSM sedang menjalankan Banci Ekonomi pada tahun 2023. DOSM amat menghargai kerjasama daripada responden dalam memberikan maklumat kepada DOSM serta menjayakan banci ini. Sila layari www.dosm.gov.my untuk maklumat lanjut.


DOSM telah melancarkan OpenDOSM NextGen sebagai medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data. OpenDOSM NextGen ialah platform perkongsian data sumber terbuka dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan Hari Statistik Negara (MyStats Day) pada 20 Oktober setiap tahun. Tema sambutan MyStats Day adalah “Connecting the World with Data We Can Trust”


**Carta 1: Nilai Jualan Sektor Pembuatan,
Jun 2022 - Jun 2023**




**Carta 2: Nilai Jualan Sektor Pembuatan,
ST1 2019 – ST2 2023**




Carta 3: Pertumbuhan Subsektor Pembuatan pada Jun 2023 berbanding Mei 2023




Carta 4: Nilai Jualan Industri Berorientasikan Eksport dan Domestik bagi Sektor Pembuatan, Jun 2022 - Jun 2023



Carta 5: Pembuatan Berorientasikan Eksport Mengikut Kumpulan, Mei 2023 dan Jun 2023



Carta 6: Pembuatan Berorientasikan Domestik Mengikut Kumpulan, Mei 2023 dan Jun 2023



Dikeluarkan oleh:

**PEJABAT KETUA PERANGKAWAN
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
8 OGOS 2023**



MEDIA STATEMENT
MONTHLY MANUFACTURING STATISTICS, MALAYSIA,
JUNE 2023

The sales value of the Manufacturing sector registering a decline of 4.0 per cent to record RM147.4 billion in June 2023

PUTRAJAYA, 8 August 2023 – The sales value of the Manufacturing sector registering a decline of 4.0 per cent year on year to record RM147.4 billion in June 2023. The Department of Statistics, Malaysia (DOSM) reported today in the release of ***Monthly Manufacturing Statistics, Malaysia, June 2023.***

Commenting on the report, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, the Chief Statistician said, “The sales value of the Manufacturing sector slipped by 4.0 per cent in June 2023 after recording a positive growth of 3.3 per cent in the preceding month. The decline was primarily influenced by the Food, beverages & tobacco sub-sector, which decreased by 14.6 per cent, marking three consecutive months of double-digit declines. In addition, the deterioration was also attributable to the contraction in the Petroleum, chemical, rubber & plastic (-12.4%); and Wood, furniture, paper products & printing (-1.1%) sub-sectors. On a month-on-month comparison, the sales value increased marginally by 0.4 per cent as against RM146.8 billion recorded in May 2023.”

The sales value of export-oriented industries which accounted for 73.0 per cent of total sales dropped by 7.4 per cent in June 2023 after registering a marginal increase of 0.1 per cent in May 2023. The decrease was mainly due to the Manufacture of vegetable & animal oils & fats (-27.4%); Manufacture of coke & refined petroleum products (-18.6%); and Manufacture of rubber products (-13.2%). On the other hand, domestic-oriented industries continued to cushion the decline in sales value by sustaining a positive trajectory since September 2021, expanding by 6.8 per cent in June 2023 (May 2023: 12.5%). The steady momentum was predominantly backed by the strong growth in sales value of the Manufacture of motor vehicles, trailers & semi-trailers by 10.5 per cent. Meanwhile, Manufacture of food processing products; and Manufacture of fabricated metal products, except machinery & equipment industries, sustained their positive momentum by registering 7.5 per cent and 7.4 per cent, respectively. Month-on-month basis, export-oriented industries increased by 2.4 per cent while domestic-oriented industries experienced a decrease of 4.6 per cent.

Commenting on the number of employees, the Chief Statistician stated, “The Manufacturing sector engaged 2.35 million persons in June 2023, posted a 2.1 per cent increase as compared to the 2.30 million persons recorded a year ago. The rise was mainly supported by the Electrical & electronics products (3.4%); Wood, furniture, paper products & printing (1.8%); and Transport equipment & other manufactures (1.6%) sub-sectors. In comparison to the preceding month, the number of employees in this sector decreased marginally by 0.4 per cent.”

On the same note, the salaries & wages paid in the Manufacturing sector also increased by 3.0 per cent year-on-year, amounting to RM8.0 billion in June 2023. On a month-on-month comparison, the salaries & wages declined by 0.6 per cent from RM8.1 billion recorded in May 2023. In addition, the average monthly salaries & wages per employee posted an increase of 0.9 per cent with a value of RM3,432 while the sales value per employee dropped by 5.9 per cent to RM62,853.

In the second quarter of 2023, the sales value of the Manufacturing sector posted the first decrease since the second quarter of 2020 (-16.5%), registering a negative 1.0 per cent as compared to the same quarter of the previous year. The decrease was attributed to the Food, beverages & tobacco sub-sector (-12.7%); as well as the Petroleum, chemical, rubber & plastics sub-sector (-4.8%). Meanwhile, the number of employees and salaries & wages during the quarter grew modestly by 2.1 per cent (Q1 2023: 2.8%) and 3.6 per cent (Q1 2023: 4.3%) respectively.


Summarising the performance for the first half of 2023, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin said, “The sales value of the Manufacturing sector reached RM888.6 billion, expanded by 3.5 per cent as compared to the same period in the preceding year. During this period, the number of employees added by 2.1 per cent, totaling 2.35 million persons while salaries & wages grew by 4.0 per cent, registering RM48.7 billion. Moreover, the sales value per employee stood at RM378,855 which posted a growth of 1.4 per cent.”

DOSM is conducting the Economic Census in 2023. DOSM greatly appreciates the cooperation of respondents in providing information and ensuring the success of this census. Please visit www.dosm.gov.my for more information.

DOSM has launched OpenDOSM NextGen as a medium that provides a catalogue of data and visualisation to facilitate users in analysing various data. OpenDOSM NextGen is an open source data sharing platform and accessible through <https://open.dosm.gov.my> portal.

The Government of Malaysia has declared National Statistics Day (MyStats Day) on October 20 each year. MyStats Day theme is “Connecting the World with Data We Can Trust”.

**Chart 1: Sales Value of the Manufacturing Sector,
June 2022 – June 2023**



**Chart 2: Sales Value of the Manufacturing Sector,
Q1 2019 – Q2 2023**




Chart 3: The Growth of Manufacturing Sub-sector in June 2023 as against May 2023







Chart 4: Sales Value of the Export and Domestic-oriented Industries for Manufacturing Sector, June 2022 – June 2023



**Chart 5: Manufacturing Export-Oriented by Group,
May 2023 and June 2023**



**Chart 6: Manufacturing Domestic-Oriented by Group,
May 2023 and June 2023**



Released by:

**THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA
8 AUGUST 2023**